BRUNEI DECEMBER FESTIVAL 2021

- GARISPANDU PENYERTAAN -

PENGENALAN

1. Brunei December Festival (BDF) merupakan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Lembaga Pelancongan Brunei bagi mempromosikan pelancongan domestik untuk menjana pertumbuhan ekonomi.

2. Ianya bertujuan untuk menggalakkan penduduk tempatan untuk bercuti dan berbelanja di dalam negeri semasa cuti sekolah bulan Disember; dan menarik para pelancong dari luar Negara dengan pelbagai pakej dan aktiviti menarik.

OBJEKTIF

1. Mempromosikan pelancongan domestik dengan menarik penduduk tempatan untuk bercuti dan berbelanja di dalam negeri.

2. Menjana ekonomi Negara dengan meningkatkan pendapatan dan pekerjaan di kalangan belia.

3. Menggalakkan *event organizers* agar lebih kreatif dalam menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti menarik yang dapat memacu pertumbuhan peusahaan mikro, kecil dan sederhana (SMEs).

4. Meningkatkan jumlah pelancong antarabangsa dengan adanya pakej-pakej dan pelbagai aktiviti menarik.

FAEDAH KERJASAMA

1. *Blanket approval* bagi kebenaran mengadakan acara dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (MOHA).

2. Tidak ada bayaran pendaftaran dikenakan untuk menyertai BDF.

3. Kempen promosi di pelbagai saluran media kerajaan seperti radio, televisyen, laman sesawang, e-mel, media sosial dan seumpamanya.

4. Lain-lain bentuk kerjasama bagi membantu memudahcara pengendalian acara / aktiviti tertakluk kepada terma dan syarat penyertaan*.

KATEGORI BDF 2021

Acara BDF 2021 akan menumpukan kepada acara dan aktiviti di bawah kategori-kategori berikut:

1. **Islamik**
   Acara atau aktiviti keagamaan yang menerapkan nilai-nilai Islam seperti ceramah agama, tausyeh, nasyeed, pertandingan azan dan seumpamanya.

2. **Makanan dan kulinari**
   Acara atau aktiviti berasaskan makanan atau seni kulinari, seperti festival makanan, pertandingan memasak / *baking competition*, *fine dining,* dan sebagainya.

3. **Kebudayaan dan Kesenian**
   Segala jenis bentuk acara atau aktiviti yang mengetengahkan budaya dan kesenian. Ini juga termasuk seni kreatif seperti berikut:
   - Penulisan sastera – seperti penulisan sastera, novel, cerpen, puisi, dll
   - Seni persembahan – seperti alat muzik, teater tradisional, komedi, dll
   - Seni tampak – seperti lukisan, arca, ilustrasi, kaligrafi / khat, fotografi, kartun, ukiran, lakaran *(sketching),* dll
   - Rekabentuk dan desain – seperti percetakan, hiasan dalaman, dll
   - Perfileman – seperti filem / video termasuk dokumentari dan animasi, dll
   - Seni mempertahankan diri – silat, taekwando, judo, dll
   - Seni kraftangan, pertukangan dan sebagainya.

4. **Sukan, pengembaraan dan rekreasi**
   Apa jua acara atau aktiviti berasaskan sukan dan pengembaraan *(adventure)* seperti sukan berbasikal, larian, *kayaking*, mendaki bukit, bola sepak, badminton, *camping, glamping* dan sebagainya.

5. **Membeli-belah**
   Apa jua acara yang melibatkan aktiviti membeli-belah *(shopping)* seperti ekspo jualan, *garage sales, car boots sale* dan seumpamanya.

6. **Teknologi Digital dan *ICT***
   Apa jua bentuk acara atau aktiviti yang memfokuskan kepada penggunaan teknologi digital dan teknologi infokomunikasi *(ICT)* seperti permainan dalam talian *(online gaming),* eSports, *3D printing, coding and programming (Software, Mobile Apps Programming,* dll), *Artificial Intelligence (AI) application (robotics and automation,* dll) dan seumpamanya.

KRITERIA PEMILIHAN

Pemilihan akan dibuat ke atas penyertaan bagi mengenalpasti acara-acara yang layak dan bersesuaian untuk dipromosikan di bawah BDF 2021, berdasarkan kriteria berikut:

1. **Tujuan (*Purpose)***
   Acara hendaklah mempunyai tujuan yang jelas dan memberikan impak / sumbangan yang positif kepada ekonomi dan masyarakat.

2. **Kreativiti dan Originaliti *(Creativity and Originality)***
   Sejauh mana acara atau aktiviti yang dianjurkan dapat memberikan pengalaman yang menarik dan *meaningful* kepada peserta / orang ramai.

3. **Inklusif *(Inclusive)***
   Mengambilkira orang ramai dan penduduk yang berada di luar Daerah Brunei Muara (Tutong, Belait dan Temburong), *event organizers* digalakkan untuk menganjurkan pelbagai acara yang dapat disertai oleh seluruh lapisan masyarakat. Ini termasuk mengadakan acara atau aktiviti bagi kanak-kanak, dewasa, warga emas dan orang kelainan upaya di keempat-empat daerah.

4. **Struktur *(Structure)***
   Menunjukkan perancangan yang jelas dalam aspek pengurusan acara termasuk penyediaan *timeline / gantt chart,* deraf program termasuk cadangan Tetamu Kehormat (jika ada).

5. **Kebolehlaksanaan *(*Feasilbiliti)**
   Sejauh mana acara tersebut dapat dilaksanakan dari segi kewangan dan teknikal *(sila rujuk Lampiran 1).*

PROSES KERJA

Semua borang pendaftaran dan dokumen sokongan yang dihadapkan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP) hendaklah melalui proses berikut:

TERMA DAN SYARAT PENYERTAAN*

1. Mendapatkan sokongan *(support)* dan kebenaran *(approval)* secara bertulis daripada pihak-pihak yang berkenaan berkaitan penganjuran acara, termasuk pihak autoriti terlebih dahulu sebelum menghadapkan permohonan. Sebagai contoh kebenaran bertulis daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan lain-lain pihak yang berkepentingan bagi penganjuran aktiviti sukan air *(water sports activity)*.

2. Hendaklah menghadapkan borang penyertaan yang lengkap beserta dokumen sokongan sebelum atau pada tarikh tutup yang telah ditetapkan.

3. *Event Organizers* dikehendaki untuk mematuhi apa jua akta, garispanduan dan peraturan yang dikeluarkan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan yang berjalan pada masa ini.

4. Mematuhi Prosedur Operasi Standard *(Standard Operating Procedures)* pihak Kementerian Kesihatan sepanjang pengendalian acara / aktiviti bagi mengelak penularan Wabak Covid-19.

5. *Event Organizers* hendaklah membiayai apa jua kos / perbelanjaan bagi mengadakan acara / aktiviti masing-masing. Sekiranya *Event Organizers* ingin membuat kutipan tajaan, hendaklah memohon kebenaran untuk mengutip tajaan secara terus ke MOHA.

6. *Event Organizers* dikehendaki untuk mengongsikan sebarang data / maklumat yang diperlukan oleh JKP, bertujuan untuk memantau dan menilai keberkesanan penganjuran BDF 2021. Kegagalan untuk berbuat demikian mungkin mempengaruhi penyertaan dalam BDF di masa akan datang.

7. Mana-mana permohonan yang diterima selepas tarikh tutup pendaftaran tidak akan dipertimbangkan dan *Event Organizers* hendaklah memohon terus ke MOHA bagi kebenaran mengadakan acara.

TATACARA MENGHADAPKAN PERMOHONAN

Borang pendaftaran (Lampiran 2) boleh dimuat turun dari laman sesawang www.bruneitourism.com/BDF2021 atau di Pejabat Jabatan Kemajuan Pelancongan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Borang pendaftaran dan semua dokumen sokongan hendaklah dihadapkan kepada Sekretariat Brunei December Festival (BDF) 2021 **selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2021, jam 4.00 petang** melalui e-mel ke info.bdf@tourism.gov.bn atau secara terus ke alamat berikut:-

Sekretariat Brunei December Festival (BDF) 2021
Jabatan Kemajuan Pelancongan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, bolehlah menghubungi Sekretariat BDF 2021 di talian **2382931** atau melalui emel info.bdf@tourism.gov.bn

Disediakan Oleh:
Jabatan Kemajuan Pelancongan
Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam

DIKEMASKINI JUN 2021

LAMPIRAN 1

BRUNEI DECEMBER FESTIVAL 2021

FINANCIAL SIMULATION ***(SAMPLE)***

	Items	Price / Rate	Quantity	Total
1	**Projected Sales**			**XXX**
1.1	Booth Sales			
	- Premium			
	- Standard			
1.2	Tickets Sales			
2	**Projected Expenditures**			**XXX**
2.1	Venue Rental			
2.2	Contractors			
	- Booth set-up charges			
	- Staging			
	- Cafeteria			
2.3	Booth License Fee			
2.4	Committee			
2.5	Printing			
2.6	Marketing			
2.7	Miscellaneous			
			Projected Profit	**XXX**

LAMPIRAN 2

BRUNEI DECEMBER FESTIVAL 2021

- BORANG PENDAFTARAN –
(REGISTRATION FORM)

BAHAGIAN A – MAKLUMAT SYARIKAT / *SECTION A – COMPANY DETAILS*	
Nama Syarikat: *(Name of Company)*	No. Tel: *(Tel No.)*
Alamat Syarikat: *(Company Address)*	Alamat E-mel: *(E-mail address)*
Fokal untuk dihubungi: *(Focal person to be contacted)* Jawatan: *(Position)*	Akaun Facebook: *(Facebook Account)* Akaun Instagram: *(Instagram Account)*

BAHAGIAN B – MAKLUMAT ACARA / *SECTION B – DETAILS OF THE EVENT*

Nama Acara / Aktiviti:
(Name of event / activity)

Kategori (sila tandakan / pada petak yang disediakan):
(Categorles [please tick in the appropriate box])

☐	Islamik (Islamic)	☐	Sukan, pengembaraan dan rekreasi *(Sports, adventure and recreations)*
☐	Makanan dan Kulinari *(Food and Culinary)*	☐	Membeli-belah *(Shopping)*
☐	Kebudayaan dan Kesenian *(Culture and Arts)*	☐	Teknologi Digital dan ICT *(Technology Digital and ICT)*

Objektif Acara / Aktiviti: *(Objective of the event / activity)*	Peserta sasaran: *(Target participants)*

Penyertaan adalah *(Participation is)*:

☐ Percuma *(Free)* ☐ Dikenakan bayaran *(Charged)*

Disahkan oleh *(Verified by)*:

.....
Nama *(Name)*:
Jawatan *(Position)*:
No. Tel *(Tel.No)*:

Cop Syarikat
Company Stamp

BAHAGIAN C – UNTUK DIISIKAN OLEH SEKRETARIAT BDF 2021 ***SECTION C – TO BE FILLED IN BY BDF 2021 SECRETARIAT***
☐ Borang pendaftaran *(Registration form)* ☐ Kertas cadangan acara yang mengandungi maklumat berikut: *(Event proposal that includes the following information)* - Tajuk Acara / Aktiviti *(Name of event / activity)* - Latar Belakang Acara / Aktiviti *(Background of the event / activity)* - Objektif *(Objectives)* - Tarikh dan tempat acara / aktiviti diadakan *(Date and venue of the event / activity)* - Peserta sasaran *(Target participants)* - *Event Partners* - Strategi Pemasaran / Promosi *(Marketing / Promotional Strategies)* - *Timeline* - *Financial simulation / Event Budgeting* ☐ Sijil Pendaftaran Perniagaan ROCBN - jika berkenaan *(ROCBN Business Registration Certificate) – if applicable* ☐ Surat sokongan / pengesahan / kebenaran dari pihak / agensi yang berkenaan *Supporting / Authorization / Approval letter from the relevant parties / agencies* Sila nyatakan *(Please state)*: 1. …… 2. …… 3. …… ☐ Lain-lain. Sila nyatakan *(Others. Please state)*: ……..
Nota *(Note)*:

Disahkan oleh *(Verified by)*:

…….
Nama *(Name)*:
Jawatan *(Position)*:
No. Tel *(Tel.No)*:

Cop Kementerian
Ministry's Stamp

Borang pendaftaran dan semua dokumen sokongan hendaklah dihadapkan kepada Sekretariat Brunei December Festival (BDF) 2021 **selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2021, jam 4.00 petang** melalui e-mel ke info.bdf@tourism.gov.bn atau dialamatkan kepada:-

Sekretariat Brunei December Festival (BDF) 2021
Jabatan Kemajuan Pelancongan
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

Registration forms and all supporting documents must be submitted to the Brunei December Festival (BDF) 2021 Secretariat not later than ***31 August 2021, at 4.00 pm*** *via email to info.bdf@tourism.gov.bn or addressed to:-*

Brunei December Festival (BDF) 2021 Secretariat
Tourism Development Department
Ministry of Primary Resources and Tourism
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Brunei Darussalam